

Penganggur miliki, guna dadah dipenjara dan didenda

MIRI: Seorang penganggur dijatuhi hukuman penjara empat bulan dan denda RM2,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan memiliki dan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah mengambil kira semua aspek termasuk pengakuan salah tertuduh yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, keterangan fakta kes, kekerapan kes, rayuan serta kepentingan awam.

Selain itu, mahkamah turut mengambil kira hukuman yang dicadangkan oleh mesin kecerdasan buatan (AI).

Abang Kamsri Abang Suanie, 42, dari Kampung Pulau Melayu di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjarahingga lima tahun atau kedua-duanya

sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati ada memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.05 gram.

Methamphetamine merupakan item yang terkandung dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 2.35 petang, 21 Januari tahun ini di hadapan sebuah pondok tidak bernombor di Jalan Taman RBA 1, Lutong di sini.

Selain itu, tertuduh turut didakwa di bawah Seksyen 15 (1) (a) dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) ADB 1952 kerana terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983

selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952, dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh pada jam 5.15 petang, 21 Januari lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Bagi kesalahan pertama, tertuduh dijatuhi hukuman penjara empat bulan, manakala bagi kesalahan kedua, tertuduh didenda RM2,000 atau dua bulan penjara dan diperintah menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun mengikut Seksyen 38B ADb 1952.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.